



KELI DALAM TIN DAPAT ANUGERAH

kosong 17/4/89 mls 2.

BOLEH CUBA. Biasanya ikan keli digoreng tetapi tidak lama lagi ia jadi sajian dalam tin seperti ikan sardin.

Produk itu bukan sembarangan kerana hasil ciptaan Pensyarah Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Aziz Yusof, 38, itu memenangi pingat gangsa dalam Pameran Produk dan Inovasi Baru Antarabangsa di Geneva,

Switzerland baru-baru ini.

Aziz ketika ditemui di Kuala Terengganu semalam berkata, produk hasil kajian selama dua tahun itu tidak menggunakan pengawet dan kaya dengan Omega-3.

Menurutnya, ia akan dijual dalam masa enam bulan lagi dengan harga RM5.50 hingga RM5.80 bagi tin 425 gram.

AZIZ menunjukkan produk ikan keli dalam tin yang akan dipasarkan tahun ini selepas menerima anugerah di Geneva minggu lalu.